


<b>Headline</b>	<b>FRIM galak penghasilan inovasi untuk komersial</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Utusan Malaysia</b>		
<b>Date</b>	<b>20 Dec 2018</b>	<b>Color</b>	<b>Full Color</b>
<b>Section</b>	<b>Mega</b>	<b>Circulation</b>	<b>112,050</b>
<b>Page No</b>	<b>24</b>	<b>Readership</b>	<b>336,150</b>
<b>Language</b>	<b>Malay</b>	<b>ArticleSize</b>	<b>885 cm<sup>2</sup></b>
<b>Journalist</b>	<b>INTAN SUHANA CHE OMAR</b>		
<b>Frequency</b>	<b>Daily</b>	<b>AdValue</b>	<b>RM 17,491</b>
		<b>PR Value</b>	<b>RM 52,474</b>



DR. ABD LATIF MOHMOD ( tengah ) bersama sebahagian daripada pegawai dan kakitangan pada majlis perasmian Hari Inovasi FRIM di Kepong baru-baru ini.

Oleh INTAN SUHANA CHE OMAR  
intansuhanaomar@gmail.com



# FRIM galak penghasilan inovasi untuk komersial

**M**EMBUDAYAKAN inovasi merupakan satu usaha penting yang harus dipupuk dalam membentuk masyarakat pencipta dan bukan semata-mata pengguna.

Itu yang dilakukan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) yang menggalakkan budaya inovasi dalam kalangan kakitangannya supaya mereka cipta sesuatu inovasi yang boleh dikomersialkan.

Ia direalisasikan melalui sambutan Hari Inovasi FRIM yang kini memasuki tahun ke-10 pengjurannya bertemakan Inovasi Penggerak Pengkomersialan.

Menurut Ketua Pengarahnya, **Datuk Dr. Abd. Latif Mohmod**, sambutan bertujuan mewujudkan platform bagi kakitangan mengetahui inovasi dalam membantu peranan dan sistem penyampaian perkhidmatan FRIM. Ia juga bagi membentuk persekitaran ekosistem yang kondusif bagi menggalakkan aktiviti inovasi.

Katanya, bertepatan dengan tema sambutan kali ini, FRIM berharap mempromosikan inovasi bagi tujuan pengkomersialan.

"Tahun ini buat pertama kali kami menganjurkan Pertandingan Reka Cipta dan Inovasi untuk kakitangan sokongan sebagai penghargaan terhadap sumbangan mereka dalam kelestarian inovasi di



YAHYA MARHANI bersama ahli kumpulannya berjaya memenangi tempat kedua Pertandingan Reka Cipta dan Inovasi sempena Hari Inovasi FRIM di Kepong baru-baru ini menerusi Woodfoodkit.

FRIM.

"Tujuannya supaya mereka berasaskan menjadi sebuah hal yang diperlukan dan sama-sama menyumbang dalam penciptaan inovasi baharu. Ini memandangkan mereka merupakan kelompok yang selalu turun padang. Oleh itu, mereka tahu masalah-masalah di lapangan yang perlu diperbaiki," katanya.

Setakat ini, FRIM telah merekodkan peningkatan jumlah pendaftaran reka bentuk industri (ID) bagi tahun ini. Sebanyak 32 ID didaftarkan sehingga September lalu berbanding 26 ID pada tahun

lalu. FRIM juga menerima tujuh pengiktirafan paten iaitu yang tertinggi diterima setakat ini selain menjalankan 33 perkhidmatan perundungan bernilai RM1.8 juta.

Tambah Abd. Latif, pihaknya juga membangunkan beberapa aplikasi mudah alih seperti *FRIM's App* dan *HerbaXpress* dengan hasrat menggunakan pendekatan teknologi sebagai suatu medium sebaran maklumat.

"Ini merupakan suatu platform baharu FRIM bagi menyampaikan maklumat kepada orang ramai.



MOHD YAMIN YUSOF ( dua dari kanan ) bersama ahli kumpulannya yang berjaya memenangi tempat kedua Pertandingan Reka Cipta dan Inovasi sempena Hari Inovasi FRIM di Kepong baru-baru ini.

“

Tahun ini, buat pertama kali kami menganjurkan Pertandingan Reka Cipta dan inovasi untuk kakitangan sokongan sebagai penghargaan terhadap sumbangan mereka dalam kelestarian inovasi di FRIM.”

"Selain itu, kita turut membangunkan aplikasi mudah alih *MyWood ID* untuk pengesahan kayu tropika.

Dengan ini, FRIM mengorak langkah dalam meluaskan bidang penyelidikan dan pembangunan kepada satu platform pengkomersialan

yang memberi manfaat kepada industri perkayuan," katanya.

Jelasnya, aplikasi tersebut dapat membuat pengecaman bagi 100 spesies kayu tropika dan disediakan bagi memudahkan pengecaman spesies kayu oleh individu atau syarikat yang memerlukan.